



21 Disember 2021  
21 December 2021  
P.U. (A) 460

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN  
(PENENTUAN HARGA MAKSIMUM) (NO. 10) 2021

*PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING  
(DETERMINATION OF MAXIMUM PRICE) (NO. 10)  
ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN  
(PENENTUAN HARGA MAKSIMUM) (NO. 10) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Pengawal, dengan kelulusan Menteri, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 10) 2021**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 23 Disember 2021 hingga 31 Disember 2021.

**Harga pengeluar maksimum**

2. Harga pengeluar maksimum bagi barangan harga terkawal yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama bagi Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan ditentukan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2).

**Harga borong maksimum**

3. Harga borong maksimum bagi barangan harga terkawal yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua bagi Negeri dan Wilayah Persekutuan di Semenanjung Malaysia, Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan ditentukan mengikut kawasan dan daerah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2).

**Harga runcit maksimum**

4. Harga runcit maksimum bagi barangan harga terkawal yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Ketiga bagi Negeri dan Wilayah Persekutuan di Semenanjung Malaysia, Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan ditentukan mengikut kawasan dan daerah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2).

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING ACT 2011

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING  
(DETERMINATION OF MAXIMUM PRICE) (NO. 10) ORDER 2021

IN exercise of the powers conferred by section 4 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 [Act 723], the Controller, with the approval of the Minister, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Price Control and Anti-Profiteering (Determination of Maximum Price) (No. 10) Order 2021**.

(2) This Order has effect for the period from 23 December 2021 to 31 December 2021.

**Maximum producer price**

2. The maximum producer price for the price-controlled goods specified in column (1) of the First Schedule for the State of Sabah, the State of Sarawak and the Federal Territory of Labuan is determined as specified in column (2).

**Maximum wholesale price**

3. The maximum wholesale price for the price-controlled goods specified in column (1) of the Second Schedule for the States and Federal Territories in Peninsular Malaysia, the State of Sabah, the State of Sarawak and the Federal Territory of Labuan is determined according to the areas and districts as specified in column (2).

**Maximum retail price**

4. The maximum retail price for the price-controlled goods specified in column (1) of the Third Schedule for the States and Federal Territories in Peninsular Malaysia, the State of Sabah, the State of Sarawak and the Federal Territory of Labuan is determined according to the areas and districts as specified in column (2).

**JADUAL PERTAMA/FIRST SCHEDULE**  
**[Perenggan 2/Paragraph 2]**

**HARGA PENGELUAR MAKSIMUM BAGI BARANGAN HARGA TERKAWAL BAGI NEGERI SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN/  
 MAXIMUM PRODUCER PRICE FOR THE PRICE-CONTROLLED GOODS FOR THE STATES OF SABAH, SARAWAK AND FEDERAL TERRITORY OF LABUAN**

Bil./ No.	(1) Barangan/Goods	Unit/ Unit	(2) Harga/Price (RM)		
			Negeri Sabah/ State of Sabah	Negeri Sarawak/ State of Sarawak	Wilayah Persekutuan Labuan/ Federal Territory of Labuan
1.	Babi hidup/Live pig	1kg	12.00	11.00	10.80

**JADUAL KEDUA/SECOND SCHEDULE**  
**[Perenggan 3/Paragraph 3]**

**HARGA BORONG MAKSIMUM BAGI BARANGAN HARGA TERKAWAL BAGI NEGERI DAN WILAYAH PERSEKUTUAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA/  
 MAXIMUM WHOLESALE PRICE OF PRICE-CONTROLLED GOODS FOR THE STATES AND FEDERAL TERRITORIES IN PENINSULAR MALAYSIA**

Bil./ No.	(1) Barangan/Goods	Unit/ Unit	(2) Harga/Price (RM)
1.	Ayam belanda import/ <i>Imported turkey</i>	1kg	32.00
2.	Daging kambing biri-biri import bertulang/ <i>Imported bone-in mutton</i>	1kg	32.00
3.	Lada benggala/ <i>Capsicum</i>	1kg	10.00